



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Nurul Izzani Ashar & Nor Fazilah Noor Din. (2025). Pengalaman guru dalam usaha menerapkan elemen kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 161-188. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.7>

**PENGALAMAN GURU DALAM USAHA
MENERAPKAN ELEMEN KECERDASAN PELBAGAI
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)
BAHASA MELAYU**

*(Teachers' Experiences in Incorporating Elements
of Multiple Intelligences in The Teaching and Learning
(T&L) of Malay Language)*

¹Nurul Izzani Ashar & ²Nor Fazilah Noor Din

^{1,2}Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Perlis

²*Corresponding author: norfazilahnoordin@ipgm.edu.my*

Received: 2/1/2025 Revised: 8/3/2025 Accepted: 8/4/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Pembelajaran berkesan merupakan kunci utama dalam menentukan keberhasilan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), dan salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanannya ialah melalui gaya belajar murid. Guru yang bertindak sebagai pendorong utama berperanan penting dalam memastikan gaya belajar berkesan dengan mengaplikasikan pendekatan dan teknik yang bersesuaian dengan kecenderungan, kecerdasan dan minat murid. Walau bagaimanapun, penerapan Kecerdasan Pelbagai Howard Gardner dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilihat masih tidak diaplikasikan

oleh guru secara optimum. Kajian ini bertujuan mengenal pasti elemen kecerdasan pelbagai yang diaplikasikan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di sebuah sekolah rendah di Perlis. Subjek kajian dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan memilih tiga orang guru Bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi pemerhatian dan temu bual terhadap subjek kajian dan hasil data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati, elemen kecerdasan pelbagai dalam PdP tidak diterapkan secara optimum oleh subjek kajian. Hasil temu bual mendapati, situasi ini berlaku atas faktor atau halangan tertentu, antaranya ialah, aspek penerimaan latihan profesional, masa, perancangan bahan bantu mengajar dan aktiviti pengajaran, kemahiran guru, dan minat guru. Oleh yang demikian, dengan pelaksanaan kajian ini, diharapkan pihak berkepentingan dapat memainkan peranan yang sewajarnya dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang keperluan untuk menerapkan kecerdasan pelbagai secara optimum di dalam bilik darjah, sekali gus menyokong perkembangan holistik murid.

Kata kunci: *Teori Kecerdasan Pelbagai, optimum, penerapan, sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), Bahasa Melayu.*

ABSTRACT

The effectiveness of teaching and learning sessions is key to determining their success, and one of the factors influencing this effectiveness is students' learning styles. Teachers, as the primary facilitators, play a crucial role in ensuring effective learning styles by applying approaches and techniques that align with students' tendencies, intelligences, and interests. However, the integration of Howard Gardner's Multiple Intelligences in TnL sessions has not been optimally applied by teachers. This study aims to identify the elements of multiple intelligences utilized by teachers in the teaching and learning of Malay Language in a primary school in Perlis. This qualitative study employs observations and interviews with three Malay Language teachers. The findings reveal that the application of multiple intelligences in TnL has not been optimally implemented by the study participants. Interviews indicate that this situation arises due to various factors or barriers, including professional training, time constraints, planning of teaching aids and activities, teachers'

skills, and teachers' interests. Therefore, this study hopes that stakeholders will take appropriate measures to raise awareness of the need to optimally implement multiple intelligences in classrooms, thereby supporting students' holistic development.

Keywords: *Multiple Intelligences Theory, optimal, implementation, teaching and learning sessions, Malay Language.*

PENGENALAN

Sektor pendidikan merupakan tonggak utama dalam memacu kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara. Menurut Siti Aisyah Mohamad Zin et al. (2022), sektor pendidikan di Malaysia bertujuan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang dapat memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh serta membentuk individu yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sehubungan dengan itu, aspek pembelajaran murid merupakan elemen yang perlu diberi penekanan oleh guru dalam usaha untuk mencapai kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Aspek pembelajaran murid merupakan kunci utama dalam menentukan keberhasilan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), dan salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanannya adalah gaya belajar murid. Setiap murid memiliki gaya pembelajaran yang berbeza bergantung kepada kecenderungan masing-masing. Kepelbagaian gaya pembelajaran dalam kalangan murid ini memaparkan wujudnya kepelbagaian kecerdasan dalam diri murid (Adri Nirwan Ahamad, 2020). Aspek kepelbagaian kecerdasan ini seterusnya dapat dirujuk menerusi Teori Kecerdasan Pelbagai yang diperkenalkan oleh Howard Gardner, yang telah memperkenalkan sembilan jenis kecerdasan.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, Teori Kecerdasan Pelbagai ini jelas telah diimplementasikan dalam bidang pendidikan bermula sejak tahun 2001 menerusi Bahagian Perkembangan Kurikulum, yang kini dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Kurikulum (Nurderina Mohamad Aliman & Shahlan Surat, 2024). Implementasi teori ini dapat dilihat menerusi pengenalan modul Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran dalam Dokumen Standard dan Pentaksiran (DSKP) Sekolah Rendah. Dalam usaha menerapkan teori ini, guru berperanan penting sebagai pendorong

utama untuk memastikan keberkesanan penerapan ini dengan mengaplikasikan pendekatan teori ini secara optimum menerusi pengintegrasian teknik-teknik pengajaran yang bersesuaian. Menurut Peng et al. (2020), guru berperanan penting untuk menyelaraskan teknik pengajaran yang bersesuaian dengan kecerdasan murid untuk memastikan kejayaan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pengintegrasian ini seterusnya dapat memberi impak positif terhadap pembelajaran dan pencapaian murid (Zurina Mustaffa et al., 2021).

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menitikberatkan perkembangan potensi yang menyeluruh dalam diri murid bagi melahirkan individu yang berdaya saing sekali gus membentuk generasi pembangun negara. Hal ini sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membentuk individu yang seimbang dan harmonis daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Teori Kecerdasan Pelbagai telah diperkenalkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sekolah Rendah. Walau bagaimanapun, Teori Kecerdasan Pelbagai ini dilihat masih tidak diaplikasikan oleh guru secara optimum. Hal ini dibuktikan menerusi kajian oleh Siti Kausar Zakaria dan Mohd Noor Daud (2021), majoriti guru yang mengimplementasikan Teori Kecerdasan Pelbagai menerusi strategi pengajaran di dalam bilik darjah hanya mengambil kira kecerdasan diri mereka sendiri. Keadaan ini menunjukkan guru cenderung memilih strategi pengajaran berdasarkan kekuatan mereka, tanpa mempertimbangkan kepelbagaian kecerdasan murid. Perkara ini bertepatan dengan pernyataan oleh Dinda Berliana dan Cucu Atikah (2023) yang menegaskan, situasi sebegini tidak sepatutnya berlaku kerana guru seharusnya mengaplikasikan kaedah pengajaran yang berpandukan kepada kecerdasan murid dan bukannya berdasarkan kecerdasan guru itu sendiri.

Elemen kecerdasan pelbagai yang tidak diterapkan secara holistik oleh guru ini dapat dibuktikan menerusi kajian oleh Siti Kausar Zakaria dan Mohd Noor Daud (2020) yang mendapati, aspek kecerdasan intrapersonal, interpersonal, visual-ruang dan kinestetik kurang diberi perhatian di sekolah. Perkara ini juga mendapat perhatian Wan Rezawana Wan Daud et al. (2020) yang telah menegaskan bahawa, senario seperti ini tidak sepatutnya berlaku kerana setiap kecerdasan mempunyai potensi yang perlu digilap supaya dapat mengelakkan

daripada berlakunya pengabaian terhadap individu yang memiliki kecerdasan tersebut. Senario yang berlaku ini telah menggambarkan sikap guru yang tidak menghargai kepelbagaian kecerdasan yang dimiliki oleh murid-murid di dalam bilik darjah. Malah, Norazura Tukiran et al. (2015) menyatakan bahawa, guru yang tidak menghargai kepelbagaian kecerdasan muridnya tidak akan merancang strategi pengajaran berpandukan kepada kesemua kecerdasan atau mana-mana kecerdasan khusus yang ada dalam kalangan muridnya. Sikap guru yang kurang meneroka dan mendalami penerapan teori ini di dalam bilik darjah menjadi faktor ketidakseimbangan penerapan kecerdasan dalam kalangan murid. Tambahan pula, guru juga kurang berkemahiran dalam mengaplikasikan teori ini di dalam bilik darjah. Hal ini berlaku atas faktor guru kekurangan kreativiti untuk merangka strategi pengajaran yang mengimplementasikan Teori Kecerdasan Pelbagai. Reni Ardiana (2022) telah membuktikan bahawa, kekurangan kreativiti dalam pendekatan dan strategi pengajaran guru telah menyebabkan elemen kecerdasan pelbagai tidak dapat diterapkan secara optimum dalam kalangan murid. Kekurangan kreativiti guru ini seterusnya telah mendorong mereka dengan rutin pengaplikasian strategi pengajaran berpusatkan guru di dalam bilik darjah. Pengaplikasian strategi berpusatkan guru ini dianggap tidak menerapkan elemen kecerdasan pelbagai secara optimum kerana, menurut Robiatul Munajah dan Asep Supena (2021), pelaksanaan strategi pengajaran yang menerapkan Teori Kecerdasan Pelbagai merupakan strategi pengajaran yang berpusatkan murid. Oleh itu, pengaplikasian strategi berpusatkan guru yang masih diamalkan pada masa kini telah menghalang penerapan elemen kecerdasan pelbagai secara holistik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Walaupun terdapat banyak kajian telah dilaksanakan berkaitan elemen kecerdasan pelbagai ini, namun, kajian yang menyentuh khusus berkaitan penerapan elemen kecerdasan pelbagai oleh guru Bahasa Melayu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) kurang mendapat perhatian daripada pengkaji terdahulu. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan dengan menganalisis elemen kecerdasan pelbagai yang diimplementasikan oleh guru Bahasa Melayu di dalam bilik darjah serta cabaran dan halangan yang dihadapi dalam mengimplementasikan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di negeri Perlis dengan melibatkan tiga subjek kajian yang terdiri daripada guru Bahasa Melayu.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti elemen kecerdasan pelbagai yang diaplikasikan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di dalam bilik darjah.
2. Menganalisis cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru dalam menerapkan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu.

TINJAUAN LITERATUR

Dalam usaha untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji telah merujuk kepada kajian-kajian lepas untuk dijadikan sebagai rujukan serta bahan sokongan terhadap konsep yang dikaji. Kajian yang telah dirujuk oleh pengkaji melibatkan kajian berkaitan penerapan elemen kecerdasan pelbagai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) kanak-kanak prasekolah. Kajian oleh Petrus Redy Partus Jaya et al. (2023) telah mengenal pasti kecerdasan pelbagai yang dominan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Paud Santa Maria Berdukacita Ruteng menerusi pengamatan gelagat kanak-kanak prasekolah berdasarkan aktiviti permainan yang dilaksanakan oleh guru. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa, terdapat variasi kecerdasan pelbagai dalam kalangan 15 orang kanak-kanak prasekolah yang ditonjolkan menerusi aktiviti permainan yang dijalankan. Daripada 15 orang kanak-kanak tersebut, sebanyak 60% daripada mereka memiliki kecerdasan verbal-linguistik, logik-matematik dan interpersonal manakala selebihnya pula iaitu 40% memiliki kecerdasan kinestetik, naturalis, intrapersonal dan visual-ruang. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menyarankan para pendidik untuk sentiasa mengembangkan idea bagi merancang pelbagai aktiviti permainan yang selari dengan kecerdasan kanak-kanak agar potensi kecerdasan pelbagai dalam kalangan kanak-kanak dapat ditingkatkan secara optimum.

Selanjutnya, Norazura Tukiran et al. (2015) pula telah melakukan kajian tentang “Teori Kecerdasan Pelbagai untuk Meningkatkan Penglibatan Aktif Pelajar di dalam Kelas”. Kajian ini dilakukan untuk menganalisis keberkesanan penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai terhadap penglibatan pelajar di dalam bilik darjah. Dalam kajian ini, pengkaji telah menerapkan elemen-elemen kecerdasan pelbagai dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam bilik darjah. Hasil pemerhatian oleh pengkaji mendapati bahawa, pengaplikasian

Teori Kecerdasan Pelbagai menerusi aktiviti yang dijalankan telah berjaya menarik minat dan penglibatan pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan. Pengaplikasian teori ini juga bukan sahaja mampu untuk menarik minat serta penglibatan pelajar, malah turut dapat meningkatkan keyakinan serta mencungkil bakat pelajar.

Selain itu, kajian berkaitan kesan penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) pula dapat dilihat menerusi kajian oleh Peng et al. (2021) yang telah mengkaji tentang keberkesanan penerapan elemen kecerdasan pelbagai dalam subjek Pengajian Perniagaan terhadap pencapaian pelajar. Kajian bertajuk “Hubungan Kecerdasan Pelbagai Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar bagi Subjek Pengajian Perniagaan di Larut Matang dan Selama, Perak” ini dilakukan untuk meneliti hubungan di antara kecerdasan pelbagai dengan pencapaian pelajar bagi subjek Pengajian Perniagaan. Hasil kajian mendapati bahawa, terdapat hubungan yang signifikan antara empat elemen kecerdasan pelbagai dengan pencapaian akademik pelajar iaitu elemen kecerdasan verbal-linguistik, kecerdasan visual-ruang, kecerdasan muzik dan kecerdasan intrapersonal. Pengkaji juga mendapati bahawa keempat-empat elemen ini berupaya untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Pengajian Perniagaan.

Sementara itu, kajian oleh Roslina Abu Bakar (2018) pula meneliti tentang perkembangan kecerdasan murid menerusi penggunaan bahan pengajaran dalam kajiannya “Hikayat Pelanduk Jenaka: Perkembangan Kecerdasan *Bodily- Kinesthetic* dan Kecerdasan Bahasa Kanak-Kanak dan Remaja”. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji bertujuan bagi mengenal pasti hubungan bahan pengajaran iaitu Hikayat Pelanduk Jenaka dengan perkembangan kecerdasan bahasa dan *bodily-kinesthetic* kanak-kanak dan remaja. Dapatan kajian telah membuktikan Hikayat Pelanduk Jenaka yang berfungsi sebagai medium bahan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak dan remaja awal telah berupaya untuk memperkembangkan kecerdasan bahasa dan kecerdasan *bodily-kinesthetic* yang dimiliki oleh mereka. Hikayat Pelanduk Jenaka yang digunakan dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini juga berupaya untuk membantu perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah kanak-kanak.

Meskipun telah banyak kajian berkaitan Teori Kecerdasan Pelbagai ini dihasilkan, namun kajian yang dilakukan oleh pengkaji telah

membawa perspektif dan fokus yang berbeza. Hal ini demikian kerana, kajian-kajian literatur yang telah disenaraikan oleh pengkaji ini adalah tidak persis seperti kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Malah, kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini juga berupaya untuk memberi sumbangan unik dan melengkapkan keseluruhan lanskap pengetahuan dalam bidang kecerdasan pelbagai. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa terdapat kelompangan kajian berkaitan implementasi elemen kecerdasan pelbagai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di sekolah rendah. Sehubungan dengan itu, kelompangan kajian ini telah mencetuskan idea kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bagi memahami secara mendalam penerapan elemen kecerdasan pelbagai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Tiga orang guru Bahasa Melayu dipilih sebagai subjek kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan berdasarkan kesediaan mereka untuk terlibat, serta pengalaman mereka dalam mengajar Bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian berstruktur dan temu bual separa berstruktur telah dilakukan terhadap subjek kajian untuk memperoleh data. Pemerhatian berstruktur dijalankan untuk mengenal pasti elemen kecerdasan pelbagai yang diaplikasikan melalui sesi pemerhatian semasa mengendalikan sesi pengajaran. Pemerhatian terhadap subjek kajian dilakukan berdasarkan instrumen yang telah dihasilkan oleh pengkaji mengikut sembilan kecerdasan dalam Teori Kecerdasan Pelbagai.

Selain itu, temu bual separa berstruktur dilakukan bagi memahami cabaran dan halangan yang dihadapi oleh guru dalam menerapkan teori ini di dalam bilik darjah. Kaedah temu bual ini dilakukan dengan menemu bual ketiga-tiga orang guru Bahasa Melayu berpanduan lima tema yang terkandung dalam instrumen temu bual.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik yang diperkenalkan oleh Braun dan Clarke (2006) bagi menganalisis data temu bual yang telah dijalankan bersama guru-guru Bahasa Melayu. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengenal pasti corak atau tema utama yang berkaitan dengan pengalaman guru

dalam menerapkan elemen kecerdasan pelbagai dalam PdP mereka. Tema-tema yang dikenal pasti dalam kajian ini telah melalui proses pengesahan oleh pakar bagi memastikan kesahihan dan ketepatan dapatan kajian.

Dalam fasa pertama, iaitu pengenalan data, penyelidik membaca dan meneliti transkrip temu bual secara menyeluruh bagi memahami pengalaman guru dalam melaksanakan pendekatan kecerdasan pelbagai di bilik darjah. Pemerhatian awal turut direkodkan bagi mengenal pasti aspek penting yang sering disebut oleh guru, seperti cabaran dalam pelaksanaan, strategi yang digunakan, serta keberkesanan kaedah yang diaplikasikan.

Seterusnya, dalam fasa penjanaan kod awal, penyelidik mengenal pasti dan menandakan bahagian data yang berkaitan dengan persoalan kajian. Contohnya, petikan temu bual yang menyatakan “Saya sering menggunakan aktiviti nyanyian dan lakonan bagi menarik minat murid yang cenderung kepada kecerdasan muzik dan kinestetik” diberikan kod *strategi pengajaran berasaskan kecerdasan pelbagai*. Begitu juga, maklumat yang berkaitan dengan cabaran yang dihadapi guru dikodkan sebagai *cabaran pelaksanaan kecerdasan pelbagai dalam PdP*.

Dalam fasa pencarian tema, kod-kod yang berkaitan dikumpulkan dan dikategorikan mengikut kesamaan makna. Beberapa tema utama yang muncul daripada analisis ini termasuk *strategi pengajaran pelbagai kecerdasan*, *cabaran dalam pelaksanaan kecerdasan pelbagai*, dan *kesan kecerdasan pelbagai terhadap motivasi murid*. Hubungan antara tema juga dikenalpasti, misalnya bagaimana strategi yang digunakan oleh guru dapat membantu mengatasi cabaran yang dihadapi.

Proses mengkaji semula tema dilakukan bagi memastikan setiap tema yang dihasilkan benar-benar mencerminkan data yang diperoleh. Dalam fasa ini, penyelidik menyemak semula kesesuaian setiap tema dengan merujuk kembali transkrip temu bual. Jika terdapat tema yang terlalu luas atau kurang jelas, tema tersebut disesuaikan atau dipecahkan kepada subtema yang lebih spesifik. Sebagai contoh, tema *strategi pengajaran pelbagai kecerdasan* diperincikan lagi kepada *strategi berbentuk visual*, *lisan*, *kinestetik* dan *muzik* bagi menggambarkan pelbagai pendekatan yang digunakan oleh guru.

Dalam fasa penentuan dan penamaan tema, setiap tema diberikan nama yang jelas dan bersesuaian dengan objektif kajian. Tema-tema

ini kemudiannya disahkan oleh pakar bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Proses ini melibatkan semakan oleh penyelidik yang berpengalaman dalam bidang pedagogi Bahasa Melayu dan kecerdasan pelbagai.

Akhir sekali, dalam fasa penulisan laporan, setiap tema yang telah dikenal pasti dibentangkan dengan disertakan petikan daripada temu bual bagi menyokong penemuan kajian. Sebagai contoh, dalam membincangkan tema *cabaran dalam pelaksanaan kecerdasan pelbagai*, petikan daripada seorang guru yang menyatakan bahawa “Kekangan masa menyebabkan saya sukar untuk menyediakan aktiviti yang bersesuaian dengan semua jenis kecerdasan” digunakan sebagai bukti sokongan. Pendekatan ini memastikan dapatan kajian lebih autentik dan menggambarkan pengalaman sebenar guru dalam menerapkan elemen kecerdasan pelbagai dalam PdP Bahasa Melayu.

Melalui penggunaan analisis tematik yang sistematik, kajian ini dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang bagaimana guru mengaplikasikan teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran mereka serta cabaran yang dihadapi dalam proses tersebut. Dapatan ini diharapkan dapat membantu memperkaya pemahaman tentang kepelbagaian pendekatan PdP serta memberi panduan kepada pendidik dalam merancang pengajaran yang lebih berkesan dan bersesuaian dengan keperluan murid.

Lima tema tersebut meliputi aspek penerimaan latihan profesional, aspek masa, aspek perancangan bahan bantu mengajar dan aktiviti pengajaran, aspek murid serta aspek kemahiran guru. Instrumen yang digunakan untuk pemerhatian dan temu bual telah melalui proses kesahan pakar bagi memastikan data yang diperoleh mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Data yang dikumpulkan kemudiannya dianalisis secara deskriptif, memberi fokus kepada tema utama seperti elemen kecerdasan pelbagai yang diaplikasikan, dan cabaran yang dihadapi guru. Kajian ini dilaksanakan dalam tempoh tiga minggu di sebuah sekolah rendah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian mengenai penerapan elemen kecerdasan pelbagai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu serta cabaran dan halangan yang dihadapi oleh


guru dalam menerapkan Teori Kecerdasan Pelbagai di dalam bilik darjah. Dapatan kajian diperoleh menerusi pemerhatian dan temu bual terhadap tiga orang subjek kajian. Bagi memudahkan penghuraian dilakukan, ketiga-tiga subjek kajian telah dilabelkan sebagai SK A, SK B dan SK C.

Pengaplikasian Elemen Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Bahagian ini akan membincangkan pengenalpastian elemen kecerdasan pelbagai yang diaplikasikan oleh tiga subjek kajian dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Data diperoleh menerusi kaedah pemerhatian berstruktur terhadap subjek kajian berpandukan instrumen senarai semak pemerhatian yang melibatkan sembilan aspek kecerdasan pelbagai. Dapatan kajian ini telah dirumuskan dalam bentuk carta bar seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1

Penerapan Elemen Kecerdasan Pelbagai oleh Subjek Kajian



Penganalisan data dalam kajian ini dilakukan dengan memberi tumpuan kepada dua elemen kecerdasan yang dominan diterapkan oleh subjek kajian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu.

Kecerdasan Verbal-Linguistik

Berdasarkan Rajah 1, kecerdasan verbal-linguistik merupakan kecerdasan yang paling dominan diterapkan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu, dengan kekerapan tertinggi sebanyak lima kali penerapan oleh setiap subjek kajian. Dapatan kajian mendapati, elemen ini kerap diaplikasikan oleh subjek kajian menerusi kemahiran menulis khususnya melalui aktiviti menyalin nota yang bertujuan membantu murid memahami dan mengingat perkara yang dipelajari. Berdasarkan hierarki Taksonomi Bloom dalam kurikulum pendidikan di Malaysia, aspek memahami dan mengingat ini diklasifikasikan sebagai Kemahiran Berfikir Aras Rendah (Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al., 2020). Situasi ini secara tidak langsung menjadi faktor penghalang kepada pencapaian aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menekankan kepentingan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Siti Sarah Muhammad Raflee dan Lilia Halim (2021) menjelaskan, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang menerapkan pemikiran kritis telah diaplikasikan dalam pentaksiran di sekolah dan menjadi fokus utama dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Oleh yang demikian, kebergantungan yang berlebihan terhadap aktiviti yang hanya menekankan aspek memahami dan mengingat tanpa memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam aktiviti yang mencabar pemikiran kritis mereka adalah tidak selaras dengan keperluan pendidikan semasa. Keadaan ini seterusnya akan menghalang perkembangan intelektual murid secara holistik sekali gus menghalang pencapaian aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menekankan kepentingan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid. Seperti yang dihasratkan KPM, KBAT merupakan satu daripada enam ciri utama yang menjadi aspirasi pendidikan untuk melahirkan murid yang berdaya saing sehingga peringkat global (Azriana Abdul Azis & Roslinda Rosli, 2021).

Kecerdasan Intrapersonal

Kecerdasan intrapersonal ialah elemen kecerdasan kedua tertinggi yang diterapkan oleh subjek kajian. Penelitian melalui sesi pemerhatian PdP menunjukkan elemen ini diaplikasikan oleh subjek kajian melalui aktiviti sendiri murid. Menerusi aktiviti secara individu, elemen kecerdasan intrapersonal dapat diterapkan dan dikembangkan

dalam diri murid sekali gus mengasah kemahiran intrapersonal dalam diri mereka. Selain itu, penerapan elemen kecerdasan ini juga membolehkan mereka memahami kekuatan dan kelemahan diri dalam proses pembelajaran. Malah Peng et al. (2021) menyatakan, individu yang memiliki kecerdasan intrapersonal mampu memahami kekuatan dan kelemahan diri dengan lebih mendalam. Dengan memberi ruang untuk refleksi sendiri, murid dapat menilai sejauh mana pemahaman mereka terhadap topik yang diajar serta mengenal pasti aspek yang perlu diperbaiki bagi meningkatkan prestasi pembelajaran mereka. Di samping itu, aktiviti sendiri murid yang mengasah kecerdasan interpersonal murid ini juga membolehkan mereka untuk lebih fokus dan menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas yang diberi tanpa bergantung kepada orang lain sekali gus mengasah kemampuan sendiri dalam diri mereka. Menurut Harlina Ishak et al. (2017), kemampuan sendiri murid memainkan peranan yang penting dalam membimbing mereka mencapai tahap pencapaian yang optimum. Dengan kesedaran kemampuan ini, mereka mampu menetapkan sasaran yang realistik dan memilih strategi yang sesuai untuk meningkatkan pencapaian diri mereka. Kesannya, proses pembelajaran menjadi lebih holistik sekali gus memberi kesan positif terhadap keupayaan akademik murid.

Kecerdasan Naturalis

Dapatan kajian berdasarkan Rajah 1 menunjukkan kecerdasan naturalis adalah kecerdasan kedua terendah dalam penerapan dalam PdP, misalnya, subjek kajian (SK) B menerapkan elemen ini dengan kekerapan satu kali, sementara SK A dan SK C tidak menerapkan elemen ini sama sekali. Situasi ini jelas menunjukkan elemen ini tidak diterapkan secara optimum di dalam bilik darjah oleh subjek kajian. Penerapan elemen kecerdasan naturalis yang tidak dilakukan secara optimum ini telah mencerminkan sikap subjek kajian yang mengabaikan pengaplikasian kecerdasan ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan. Pengabaian terhadap kecerdasan naturalis ini akan mengakibatkan murid kurang terdedah kepada pengalaman pembelajaran yang melibatkan interaksi dengan persekitaran mereka. Debby Soraya (2021) menjelaskan, kecerdasan naturalis penting untuk diterapkan di dalam bilik darjah agar dapat meningkatkan kesedaran murid terhadap alam sekitar. Dengan demikian, penerapan elemen naturalis yang tidak dilakukan secara optimum dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) ini telah

mengakibatkan kurangnya kesedaran murid terhadap alam sekitar. Kekurangan penerapan elemen ini juga akan menyebabkan nilai-nilai seperti kepekaan, tanggungjawab dan kesedaran terhadap alam sekitar tidak dapat dipupuk secara menyeluruh dalam diri murid.

Kecerdasan Eksistensial

Dapatan kajian memaparkan elemen kecerdasan eksistensial tidak diimplimentasi sama sekali oleh subjek kajian, yang dibuktikan berdasarkan kekerapan penerapannya dalam Rajah 1 adalah sifar bagi ketiga-tiga subjek kajian. Pengkaji mendapati, penerapan elemen eksistensial ini tidak dititikberatkan dan telah diabaikan oleh subjek kajian. Pengabaian elemen kecerdasan eksistensial di dalam bilik darjah ini boleh menjadi penghalang perkembangan murid secara holistik. Menurut Ana Mluyana (2024), kecerdasan eksistensial berperanan penting dalam pengembangan individu secara holistik kerana kecerdasan ini meliputi pemahaman serta hubungan dengan nilai-nilai spiritual dan moral yang membentuk asas karakter seseorang. Malah, pendidikan di Malaysia juga telah menitikberatkan aspek pembentukan karakter dalam kalangan murid. Hal ini terbukti apabila Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek yang menyatakan, pembangunan karakter menjadi fokus utama dalam Kurikulum Persekolahan 2027 yang bermula daripada peringkat kanak-kanak prasekolah sehingga pelajar menengah atas (Saadiyah Ismail, 2023). Oleh itu, sekiranya elemen kecerdasan eksistensial tidak diimplementasi secara optimum oleh guru di dalam bilik darjah, hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pembangunan karakter ini tidak dapat direalisasikan. Sehubungan dengan itu, elemen ini perlu diberi penekanan yang sewajarnya kerana implementasi ini bukan sahaja dapat merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tetapi juga dapat melahirkan murid yang memiliki sikap-sikap positif menerusi aspek rohani yang diterapkan dan ditekankan dalam kecerdasan ini.

Cabaran dan Halangan dalam Menerapkan Teori Kecerdasan Pelbagai

Bahagian ini membincangkan cabaran dan halangan yang dihadapi oleh subjek kajian dalam menerapkan Teori Kecerdasan Pelbagai di dalam bilik darjah. Dapatan kajian diperoleh menerusi temu bual terhadap subjek kajian berpandukan instrumen temu bual. Analisis

data diperincikan berdasarkan empat tema merangkumi aspek penerimaan latihan profesional, aspek masa, aspek perancangan bahan bantu mengajar dan aktiviti pengajaran serta aspek kemahiran guru. Dengan mengikuti enam fasa yang digariskan oleh Braun dan Clarke (2006), penyelidik dapat menjalankan analisis tematik secara sistematik dan memastikan bahawa tema yang dikenal pasti benar-benar mencerminkan maklumat dalam data yang dikumpul.

Penerimaan Latihan Profesionalisme oleh Guru

Hasil temu bual mendapati ketiga-tiga subjek kajian tidak pernah menerima latihan profesionalisme untuk mengimplementasikan Teori Kecerdasan Pelbagai di dalam bilik darjah. Mereka juga tidak pernah diberi bimbingan secara formal oleh pihak pentadbir sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menulis rancangan pengajaran harian (RPH) yang mengaplikasikan Teori Kecerdasan Pelbagai secara khusus.

“Sepanjang menjadi guru, saya tidak pernah diberi bimbingan untuk menulis rancangan pengajaran harian (RPH) yang mengaplikasikan Teori Kecerdasan Pelbagai oleh pihak pentadbir sekolah, PPD, JPN atau KPM.”

[TB SKA]

Selain itu, pengkaji juga mendapati, pihak pentadbir sekolah tidak pernah mengadakan latihan profesionalisme seperti kursus, bengkel atau seminar berkaitan pengajaran yang menggunakan penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai. Latihan profesionalisme ini penting untuk memberi pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan kepada guru dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan menggunakan Teori Kecerdasan Pelbagai. Menurut Azarul Razamin Mat Said et al. (2023), latihan profesionalisme seperti kursus dan bengkel sangat penting kepada guru kerana penglibatan dalam latihan ini dapat menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran guru untuk menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif, baik dari aspek pengetahuan, kemahiran dan bahan. Di samping itu, subjek kajian juga menjelaskan bahawa, ketiadaan latihan profesionalisme menerusi kursus, bengkel atau seminar ini telah menyukarkan mereka untuk menerapkan elemen kecerdasan pelbagai dengan berkesan di dalam bilik darjah.

“Sekolah ini tidak pernah lagi adakan kursus atau bengkel yang menerangkan tentang pengajaran yang mengaplikasikan Teori Kecerdasan Pelbagai ini. Keadaan ini secara tidak langsung menyukarkan saya untuk menerapkan teori ini dengan lebih berkesan.”

[TB SKC]

Keadaan yang berlaku ini mengakibatkan guru kurang memahami tentang Teori Kecerdasan Pelbagai sekali gus menyebabkan mereka kurang mahir untuk mengaplikasikannya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan. Ternyata dengan pengaplikasian teknik berkesan dan penggunaan bahan sesuai diimplementasikan ke dalam pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dan mampu menarik minat murid (Fatin Nur Farhana & Zamri Mahamod, 2024)

Aspek Masa

Analisis data bagi aspek masa dibahagikan kepada dua situasi yang melibatkan cabaran dari segi sebelum penerapan teori/elemen kecerdasan pelbagai dan semasa pelaksanaan teori dalam sesi PdP. Dapatan kajian mendapati, subjek kajian menyatakan aktiviti PdP yang menerapkan Teori Kecerdasan Pelbagai ini memerlukan usaha yang lebih, dalam perancangan dan penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) sehingga menyebabkan mereka terpaksa mengorbankan waktu peribadi mereka. Viona Taipoi dan Norasmah Othman (2023) turut menyatakan, guru menghadapi kesukaran dalam mengimbangkan waktu untuk diri sendiri dan waktu kerja disebabkan oleh waktu yang banyak dihabiskan untuk tugas-tugas pengajaran. SK A dan SK B menyatakan, pengaplikasian teori ini tidak menjejaskan masa PdP mereka. Dua SK ini mempunyai persepsi positif terhadap pengaplikasian teori ini dalam pengajaran mereka. Berbeza pula dengan respons yang diberikan oleh SK C yang menyatakan bahawa, aspek masa telah memberikan cabaran kepadanya semasa mengaplikasikan Teori Kecerdasan Pelbagai di dalam bilik darjah. Hal ini kerana, SK C mengalami kesukaran dalam merancang dan melaksanakan aktiviti yang menerapkan elemen kecerdasan pelbagai sehingga menyebabkan beberapa aktiviti terpaksa disingkatkan atau dilaksanakan sehingga menjadikan PdP kurang berkesan.

“Walaupun saya menerapkan Teori Kecerdasan Pelbagai ini dalam sesi PdP, kadang-kadang saya rasa

tidak cukup masa untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menerapkan teori ini. Kadang-kadang aktiviti yang dilakukan memerlukan masa yang panjang untuk dilaksanakan sehingga menyebabkan saya tidak dapat melaksanakan kesemua aktiviti yang dirancang dalam RPH.”

[TB SKC]

Secara keseluruhannya, perbezaan respons antara SK A dan SK B berbanding SK C menggambarkan bahawa cabaran dari segi masa adalah masalah yang kompleks dan bergantung kepada kemampuan peribadi dalam merancang masa. Keadaan ini menunjukkan perlunya pendekatan yang lebih holistik dalam menyokong guru mengimplementasikan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan, termasuk latihan profesional yang lebih terarah dan sumber bantuan yang lebih baik.

Perancangan Bahan Bantu Mengajar dan Aktiviti Pengajaran

Berdasarkan temu bual yang dilakukan, ketiga-tiga subjek kajian bersetuju bahawa tekanan yang dialami semasa tempoh merancang, membina dan menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bertepatan dengan penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai. Subjek kajian berpendapat bahawa, tugas untuk merancang dan menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang mencakupi kecerdasan-kecerdasan ini adalah sangat mencabar. Tambahan pula, proses penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) ini menjadi lebih sukar apabila mereka perlu merancang aktiviti yang relevan dan berkesan untuk setiap jenis kecerdasan, dan secara tidak langsung telah memberi tekanan kepada mereka. Mereka juga mengakui mengalami tekanan dalam merancang, membina dan menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bertepatan dengan penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai.

“Aktiviti yang menerapkan teori ini memerlukan usaha yang lebih untuk merancang dan menyediakan BBM yang sesuai, jadi saya rasa agak terbeban untuk menyediakan BBM tersebut. Tambah pula saya perlu menerapkan semua elemen. Saya pun masih tidak memahami semua elemen itu dengan mendalam. Keadaan ini sedikit sebanyak telah memberi tekanan kepada saya.”

[TB SKB]

Penerapan teori ini memerlukan guru untuk menyediakan bahan yang bukan sahaja bersifat umum, tetapi juga disesuaikan dengan pelbagai kecerdasan seperti kecerdasan logik-matematik, kecerdasan linguistik, kecerdasan kinestetik dan sebagainya. Cabaran dalam penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) yang menerapkan Teori Kecerdasan Pelbagai juga timbul akibat kekurangan pengetahuan yang mendalam mengenai teori ini. Kekurangan pengetahuan tentang elemen-elemen kecerdasan dalam teori ini telah menyebabkan subjek kajian mengalami kesukaran dalam merancang bahan bantu mengajar (BBM) yang selaras dengan elemen kecerdasan yang ingin diterapkan. Bahan bantu mengajar dan pengaplikasian teknologi pembelajaran diakui mampu meningkatkan penglibatan dan kesejahteraan akademik pelajar apabila dilaksanakan dalam persekitaran motivasi yang menyokong keperluan psikologi asas mereka & Weinstein, 2023) (David, 2023). Penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) yang mengimplementasikan kecerdasan pelbagai oleh guru ini penting agar fungsi bahan bantu mengajar (BBM) ini dapat dioptimumkan dan seterusnya memberi impak positif terhadap pembelajaran murid. Menurut Adri Nirwan Ahamad (2020), pengintegrasian Teori Kecerdasan Pelbagai dalam bahan bantu mengajar (BBM) telah terbukti memberi impak yang positif terhadap kecemerlangan akademik murid.

Kemahiran Guru

Penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) memerlukan tahap kemahiran guru yang tinggi. Menurut Ab. Halim Tamuri et al. (2021), aspek kemahiran guru memainkan penting dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif. Dalam konteks ini, kemahiran guru menjadi faktor utama yang memastikan keberkesanan dan kejayaan penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai secara optimum di dalam bilik darjah. Berdasarkan dapatan temu bual, pengkaji mendapati, ketiga-tiga subjek kajian telah menghadapi cabaran dalam menerapkan kecerdasan eksistensial atas faktor kurang kemahiran dalam menerapkan kecerdasan ini, berbanding kecerdasan lain. Malah, mereka turut mengakui bahawa kekurangan pengetahuan dan kemahiran mengenai kecerdasan eksistensial telah menyebabkan elemen kecerdasan ini tidak diaplikasikan dalam pengajaran mereka.

“Saya masih tidak pasti bagaimana untuk memulakan aktiviti yang melibatkan kecerdasan eksistensial.

Malah, saya juga tidak tahu cara yang terbaik untuk menerapkan elemen ini kerana saya tidak begitu faham tentang kecerdasan ini.”

[TB SKA]

Di samping itu, kekurangan pemahaman tentang kecerdasan ini juga menyebabkan mereka lebih menumpukan perhatian kepada elemen-elemen kecerdasan lain yang dianggap lebih mudah dilaksanakan, sehingga menyebabkan elemen kecerdasan eksistensial diabaikan. Kekurangan kemahiran dalam menerapkan elemen kecerdasan ini juga seterusnya telah menyebabkan mereka cenderung untuk tidak menerapkan elemen kecerdasan tersebut dengan kadar yang optimum di dalam bilik darjah. Berdasarkan dapatan kajian, elemen kecerdasan naturalis pula kurang diberi perhatian atas faktor minat guru. Situasi ini jelas menunjukkan selain kemahiran, minat guru juga mempengaruhi kecenderungan dalam pengaplikasian kecerdasan pelbagai dalam Bahasa Melayu.

Kecerdasan Verbal-Linguistik yang Dominan

Kajian ini mendapati elemen kecerdasan verbal-linguistik merupakan kecerdasan yang paling kerap diterapkan oleh subjek kajian. Penerapan elemen ini dilakukan melalui aktiviti seperti menyalin nota dan latihan menulis. Walaupun strategi ini memudahkan pemahaman murid, ia cenderung kepada Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR), seperti memahami dan mengingat fakta, yang bertentangan dengan aspirasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Azriana Abdul Azis & Roslinda Rosli, 2021). Oleh itu, guru perlu lebih kreatif dalam memanfaatkan kecerdasan verbal-linguistik dengan menyokong aktiviti yang mendorong pemikiran kritis dan analitik murid.

Kajian ini menunjukkan bahawa guru masih bergantung kepada pendekatan tradisional yang menekankan kecerdasan verbal-linguistik. Walaupun ia merupakan elemen utama dalam pembelajaran bahasa, penekanan yang berlebihan boleh menghadkan perkembangan murid dengan kecerdasan yang lebih dominan dalam aspek lain. Sebagai contoh, pendekatan yang terlalu fokus kepada aktiviti penulisan dan hafalan kurang memenuhi keperluan murid yang lebih cenderung kepada kecerdasan visual-spasial atau naturalis. Reni Ardiana

(2022) mencadangkan bahawa strategi pembelajaran yang holistik, melibatkan pelbagai elemen kecerdasan, adalah penting untuk memastikan setiap murid dapat berkembang secara optimum.

Kecerdasan Intrapersonal untuk Refleksi Kendiri

Kecerdasan intrapersonal adalah elemen kedua tertinggi yang diterapkan melalui aktiviti individu. Strategi ini membolehkan murid memahami kekuatan dan kelemahan mereka sendiri, sejajar dengan dapatan Peng et al. (2021), yang menekankan pentingnya kecerdasan ini dalam perkembangan diri murid. Walau bagaimanapun, fokus kepada refleksi sendiri perlu diseimbangkan dengan penerapan aktiviti berpasukan bagi meningkatkan kecerdasan interpersonal murid. Walaupun kajian ini menunjukkan kecerdasan interpersonal kurang diterapkan secara eksplisit, peluang untuk mengembangkan elemen ini wujud melalui aktiviti berkumpulan. Interaksi antara murid dalam perbincangan, permainan kolaboratif, atau kerja projek dapat meningkatkan kecerdasan interpersonal. Menurut Zurina Mustaffa et al. (2021), aktiviti ini bukan sahaja menggalakkan kemahiran komunikasi tetapi juga mengasah daya kepemimpinan dan kerjasama, yang penting untuk perkembangan sosial murid. Namun, dapatan kajian menunjukkan aktiviti sebegini masih belum menjadi kebiasaan di kalangan guru Bahasa Melayu, yang lebih cenderung kepada aktiviti sendiri.

Kekurangan dalam Penerapan Kecerdasan Naturalis dan Eksistensial

Dapatan menunjukkan kecerdasan naturalis dan eksistensial tidak diterapkan secara optimum. Guru menyatakan kekurangan masa dan kemahiran sebagai halangan utama. Kurangnya kemahiran guru berkaitan penerapan kedua-dua kecerdasan ini telah menyebabkan guru secara tidak langsung mengabaikan penerapan elemen ini di dalam bilik darjah. Situasi ini seterusnya membantutkan kesedaran murid terhadap alam sekitar dan nilai-nilai moral yang penting untuk perkembangan holistik mereka (Debby Soraya, 2021; Ana Mluyana, 2024). Dalam konteks pendidikan Malaysia, penerapan nilai-nilai ini amat penting seperti yang ditekankan dalam Kurikulum Persekolahan 2027 (Saadiah Ismail, 2023).

Kecerdasan Kinestetik Kurang Diterapkan

Penerapan kecerdasan kinestetik, yang melibatkan penggunaan pergerakan fizikal untuk pembelajaran, hampir tidak digunakan oleh subjek kajian. Guru mungkin menganggap elemen ini kurang relevan untuk pengajaran Bahasa Melayu, walhal pendekatan seperti permainan peranan, lakonan, atau simulasi dapat membantu murid memahami naratif, pantun, dan seni bahasa. Seperti dinyatakan oleh Robiatul Munajah dan Asep Supena (2021), strategi pengajaran kinestetik mampu menjadikan pembelajaran lebih menyenangkan dan merangsang pelbagai gaya pembelajaran.

Integrasi Kecerdasan Logik-Matematik dalam Bahasa Melayu

Elemen kecerdasan logik-matematik juga jarang diterapkan dalam pengajaran Bahasa Melayu. Guru cenderung menganggap elemen ini khusus untuk subjek Sains atau Matematik, sedangkan aktiviti seperti menganalisis pola dalam puisi, mengenal pasti struktur ayat, atau menggunakan jadual dan carta untuk memahami teks boleh mengintegrasikan kecerdasan ini. Adri Nirwan Ahamad (2020) menegaskan bahawa penerapan kecerdasan logik-matematik dalam konteks yang pelbagai dapat meningkatkan daya analitik murid, termasuk dalam subjek bahasa.

Cabaran dalam Penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai

Halangan utama termasuk kekurangan latihan profesionalisme, cabaran masa dan beban kerja merancang aktiviti serta bahan bantu mengajar. Guru tidak menerima latihan formal tentang teori ini, menyebabkan mereka kekurangan pemahaman dan kreativiti dalam menerapkan pelbagai elemen kecerdasan (Azarul Razamin Mat Said et al., 2023; Fatin Nur Farhana & Zamri Mahamod, 2024). Latihan dan sokongan pentadbiran adalah kritikal untuk mengatasi cabaran ini.

Cabaran Teknologi dalam Menerapkan Kecerdasan Pelbagai

Satu aspek yang kurang diberi perhatian dalam dapatan kajian ini adalah integrasi teknologi sebagai alat penerapan kecerdasan pelbagai. Penggunaan aplikasi seperti gamifikasi atau alat interaktif boleh membantu guru merancang aktiviti yang menyokong pelbagai jenis kecerdasan. Menurut David dan Weinstein (2023), teknologi memainkan peranan penting dalam mengekalkan motivasi murid

dan memenuhi keperluan gaya pembelajaran yang pelbagai. Namun, kekurangan kemahiran teknikal dalam kalangan guru sering menjadi halangan dalam usaha menggerakkan kepelbagaian elemen kecerdasan dalam PdP.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapatan kajian membuktikan Teori Kecerdasan Pelbagai masih tidak diaplikasikan oleh guru secara optimum dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Dapatan kajian mendapati, terdapat dua elemen kecerdasan yang kurang diberi penekanan dan tidak diterapkan oleh guru di dalam bilik darjah yang meliputi elemen kecerdasan naturalis dan kecerdasan eksistensial. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa walaupun elemen kecerdasan seperti kecerdasan logik-matematik telah diterapkan oleh guru, namun penerapannya masih belum mencapai tahap optimum. Situasi ini dikaitkan dengan cabaran dari aspek penerimaan latihan profesionalisme, aspek masa, aspek perancangan bahan bantu mengajar dan aktiviti pengajaran serta aspek kemahiran guru yang telah menyukarkan guru untuk mengimplementasikan teori ini secara optimum, sekali gus menghalang perkembangan holistik murid. Nilai-nilai seperti keimanan, tanggungjawab, dan empati, dapat diintegrasikan ke dalam kurikulum pendidikan untuk memperkukuh pembangunan sahsiah pelajar dalam usaha membentuk akhlak peribadi, akhlak terhadap orang lain dan akhlak terhadap alam sekitar (Muhardis, 2024). Malah, Chiew dan Kamariah (2022) telah menegaskan, penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam pengajaran guru penting bagi menyokong pembelajaran bersepadu yang memenuhi keperluan murid. Dengan demikian, penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai secara optimum di dalam bilik darjah ini perlu diberi penekanan oleh guru agar dapat menyokong perkembangan holistik murid sekali gus melahirkan generasi yang berdaya saing.

Implikasi kajian ini jelas menunjukkan bahawa penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai yang optimum dalam bilik darjah dapat memberi manfaat besar kepada murid, guru, sekolah, serta sistem pendidikan secara keseluruhannya. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk memastikan teori ini dapat diaplikasikan dengan lebih baik dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, selaras dengan aspirasi pendidikan negara yang menekankan pembangunan holistik murid.

Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada penyelidik lain untuk menjalankan kajian lanjut dalam skop yang lebih luas serta membantu dalam usaha memperkaya bidang pendidikan dengan pendekatan yang lebih efektif. Dengan itu, pendidikan yang lebih dinamik, inklusif, dan holistik dapat direalisasikan, sekali gus melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga seimbang dalam semua aspek kehidupan.

Kajian yang dilakukan ini memberi implikasi terhadap pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak sekolah dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai keperluan untuk mengoptimumkan tahap penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai di sekolah dalam kalangan guru dan murid. Kesedaran ini penting bagi membuka ruang kepada tindakan yang lebih strategik dalam memastikan teori ini diaplikasikan dengan lebih berkesan dalam sistem pendidikan.

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa penghargaan, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan kajian ini sehingga kepada penghasilan dan proses penerbitan makalah ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia yang sentiasa memberikan bimbingan dan sokongan, serta para guru yang sudi berkongsi pengalaman dan pandangan mereka. Sumbangan, kerjasama dan sokongan anda semua amatlah dihargai.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

- **Pengenalan:** Nor Fazilah Noor Din menyumbang dalam pembentukan latar belakang kajian dan permasalahan kajian.
- **Sorotan literatur:** Nurul Izzani Ashar bertanggungjawab dalam meneliti dan menganalisis kajian lepas untuk menyokong keperluan penyelidikan.

- **Metodologi:** Kedua-dua penulis terlibat dalam penyediaan reka bentuk kajian, pembangunan instrumen, dan pengumpulan data.
- **Analisis dan Dapatan:** Nurul Izzani Ashar menjalankan analisis tematik data dan pengesahan tema bersama pakar, serta menyusun dan menganalisis dapatan berdasarkan pemerhatian dan temu bual.
- **Kesimpulan:** Kedua-dua penulis menyumbang dalam merumuskan kesimpulan serta implikasi kajian.

PENGISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis melaporkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan kajian ini dan mengisytiharkan bahawa tiada potensi konflik kepentingan yang wujud dari segi penyelidikan, penulisan, mahupun penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Husnaa Salehah Yahya, Nur Hanani Hussin & Mohd Isa Hamzah. (2021). Keperluan latihan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 7(1), 1-19. <https://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2021/06/TAMU-Vol-71-June-2021-1-19.pdf>
- Adri Nirwan Ahamad. (2020). *Kesan Pendekatan Kecerdasan Pelbagai Secara Atas Talian Terhadap Literasi Digital, Pembelajaran Terarah Kendiri dan Pencapaian Pelajar dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat bagi Topik Daya dan Gerakan*. <https://eprints.usm.my/55564/1/full%20thesis%20by%20ADRI%20cut.pdf>
- Ana Mluyana. (2024). *Strategi Pengembangan Nilai-nilai Keagamaan dalam Membentuk Kecerdasan Spiritual Siswa di Mi Asy-syifa Balikpapan Kalimantan Timur*. [Tesis Magister, Universitas Islam Sultan Agung]. https://repository.unissula.ac.id/34217/1/Magister%20Pendidikan%20Agama%20Islam_21502100032_fullpdf.pdf

- Azarul Razamin Mat Said, Mustafa Che Omar, Najmiah Omar & Mohd Allnurulhuda Ghazali. (2023). Meningkatkan pembangunan profesional dan kompetensi guru Kementerian Pendidikan Malaysia: Satu analisis kritis. *Global Journal of Educational Research and Management*, 3(1), 63–71. http://eprints.iab.edu.my/v2/1480/1/63_71_Azarul%2Bet%2Bal_Kompetensi%2BGuru.pdf
- Azriana Abdul Azis & Roslinda Rosli. (2021). Analisis aras kognitif bagi soalan dalam buku teks Matematik Tahun 4 KSSR Semakan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 146-158. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/712>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Chiew, L. M. & Kamariah Abu Bakar. (2022). Keberkesanan penggunaan pendekatan multisensori dalam meningkatkan kemahiran konsep nombor kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 15(Special Issue)*, 1-14. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/download/7110/3658/32447>
- David, L. & Weinstein, N. (2023). A gamified experiential learning intervention for engaging students through satisfying needs. *Journal of Educational Technology System*, 52(1), 52-72.
- Debby Soraya. (2021). Peningkatan kecerdasan Naturalis dengan permainan berbasis alam pada tema hewan sub tema ikan pada anak kelompok B di Tk Alam Azkia Sigli. <https://repository.bbg.ac.id/bitstream/908/1/F0717085W.pdf>
- Dia Nita, Wisnu Bayu Murti & Zakiyah Isnawati (2019). Kecerdasan majemuk dan implikasinya dalam pendidikan. *Jurnal Psikologi*, 6, (1) <https://jurnal.uhn.ac.id/index.php/psikologi/article/view/458/436>
- Dinda Berliana & Cucu Atikah (2023). Teori multiple intelligences dan implikasinya dalam pembelajaran. *Jurnal Citra Pendidikan (JCP)*, 3, 3, <https://jurnalilmiahcitrabakti.ac.id/jil/index.php/jcp/article/view/963>
- Fatin Nur Farhana & Zamri Mahamod. (2024). Pengajaran bahasa Melayu menggunakan papan putih interaktif: penerimaan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Hulu Langat. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3(1), 23-45.
- Harlina Ishak, Zubaidah Mat Nor & Ainee Ahmad. (2017). Pembelajaran interaktif berasaskan aplikasi kahoot dalam pengajaran abad ke-21. <https://seminarserantau2017.wordpress.com/wp-content/uploads/2017/09/74-harlina-binti-ishak.pdf>

- Hong, O. C. & Aziah Ismail. (2015). Sokongan pihak pengurusan sekolah terhadap tekanan kerja guru di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2, (2). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8324/5779>
- Muhardis. (2024). The internal values of akhlak in Kabasi Sabariah for educational character development. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 71-93.
- Norazura Tukiran, Juliza Adira Mohd @ Ariffin & Siti Hazwani Mohamed Rozi. (2015). *Teori Kecerdasan Pelbagai untuk Meningkatkan Penglibatan Aktif Pelajar di dalam Kelas*. https://www.academia.edu/1069507/Teori_kecerdasan_pelbagai ai.
- Nurderina Mohamad Aliman & Shahlan Surat. (2024). Hubungan kecerdasan pelbagai dengan pencapaian murid sekolah rendah dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1), 349-356. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/26156/14365>
- Peng, K. A., Mohd Asri Mohd Noor, & Nor Azrin Md Latip. (2021). Hubungan kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar bagi subjek Pengajian Perniagaan di Larut Matang dan Selama, Perak. *Management Research Journal*, 10(1), 123-136. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/MRJ/article/download/5165/2956>
- Peng, K. A., Mohd Asri Mohd Noor, & Nor Azrin Md Latip. (2020). Pengaruh kecerdasan pelbagai terhadap pencapaian akademik pelajar bagi Subjek Pengajian Perniagaan di Larut Matang dan Selama, Perak. *Akademika*, 90(3), 115–130. <http://journalarticle.ukm.my/17325/>
- Petrus Redy Partus Jaya, Fransiskus De Gomes, & Akwila Medong. (2023). Kecerdasan majemuk dan ragam main anak: Sebuah Analisis di Paud Santa Maria Berdukacita Ruteng, Nusa Tenggara Timur. *BUHUTS AL-ATHFAL: Jurnal Pendidikan dan Anak Usia Dini*, 3,(2),165-178.
- Reni Ardiana. (2022). Pembelajaran berbasis kecerdasan majemuk dalam pendidikan anak usia dini. *MURHUM: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 3(1), 1-12. <https://www.murhum.ppjpaud.org/index.php/murhum/article/download/65/31/364>
- Robiatul Munajah & Asep Supena. (2021). Strategi guru dalam mengoptimalkan kecerdasan majemuk di sekolah dasar. *Muallimuna: Jurnal Madrasah Ibtidaiyah*, 7(1). <https://media.neliti.com/media/publications/516115-none-ee098e96.pdf>

- Roslina Abu Bakar. (2018). Hikayat Pelanduk Jenaka: Perkembangan Kecerdasan Bodily - Kinesthetic dan kecerdasan bahasa kanak-kanak dan remaja. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 11, 33-51.
- Saadiah Ismail. (2023, Disember 06). KPM perkenalkan 7 teras dalam kerangka kurikulum persekolahan 2027. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1185989/kpm-perkenalkan-7-teras-dalam-kerangka-kurikulum-persekolahan-2027>
- Siti Aisyah Mohamad Zin, Intan Suria Hamzah, Muhammad Ridhwan Sarifin, Ahmad Faizuddin Ramli & Mohd Firdaus Md Zain. (2022). Pendidikan karakter berdasarkan aplikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap pembentukan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(47), 563-577. <http://ur.aeu.edu.my/1044/1/IJEPC-2022-47-09-48.pdf>
- Siti Kausar Zakaria & Mohd Noor Daud. (2021). Keluwesan teori kecerdasan. *International Journal of Education and Pedagogy*, 3(4), 47-70. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/view/16420/8581>
- Siti Sarah Muhammad Raflee & Lilia Halim. (2021). Keberkesanan pemikiran kritis dalam meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah KBAT. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 11(1). <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPSMM/article/download/5230/2940/21496>
- Viona Taipoi & Norasmah Othman. (2023). Cabaran guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) semasa pandemik Covid19: Satu kajian kes di Daerah Ranau. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 25-35. <http://eprints.iab.edu.my/v2/1404/1/Cabaran%20Guru%20Prasekolah%20Dalam%20Melaksanakan%20Pengajaran.pdf>
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Norasmahani Nor, Nor Anisa Musa & Mohd Syaubari Othman. (2020). Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 4(2). <https://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/download/74/47/319>
- Wan Rezawana Wan Daud, Tajul Arifin Muhamad & Melor Md. Yunus. (2020). Hubungan dan pengaruh personaliti Big Five kepada sikap terhadap sukan dalam kalangan pelajar pintar cerdas akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45 (1), 41-51.

Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Pedagogi terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 202-214. <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/download/997/721/>